

18 OCT 1996

Duta-Peru

M'SIA DAN PERU BERKONGSI BANYAK MATLAMAT BERSAMA, KATA DUTA BARU

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Peru berkongsi banyak matlamat dan aspirasi bersama dalam membawa pembangunan dan kemakmuran kepada rakyat masing-masing, kata Duta Malaysia ke Peru Encik Ahmad Mokhtar Selat.

Katanya matlamat, ideal dan aspirasi yang sama ini telah menjadikan kedua-dua negara dari benua berbeza ini dapat bekerjasama bagi faedah bersama.

Kedua-dua negara komited dan digalakkan oleh hasrat untuk mencapai keamanan sedunia, katanya semasa menyerahkan watak pelantikannya kepada Presiden Peru Alberto Fujimori di Lima. Teks ucapannya difakskan kepada Bernama di sini hari ini.

Ahmad Mokhtar berkata: "Kedua-dua negara berusaha membawa pembangunan dan kemakmuran kepada rakyat mereka dan aktif sebagai anggota G-15 serta sama-sama komited terhadap menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan."

Terdapat juga perkembangan yang positif dalam hubungan dua hala sejak beberapa tahun lepas sama ada dalam bidang kerjasama, perdagangan, pelaburan ataupun teknikal, katanya.

Katanya Malaysia amat menggalakkan para usahawannya menyertai pelaburan di Peru.

Ahmad Mokhtar berkata tanggungjawab utamanya ialah bukan sahaja untuk mengekalkan malah mengukuhkan lagi hubungan dan persahabatan antara kedua-dua negara.

Katanya terdapat banyak bidang kerjasama antara Malaysia dan Peru yang boleh diwujudkan pada masa depan.

Alberto Fujimori dalam ucapannya berkata sejak lawatannya ke Kuala Lumpur pada 1991, hubungan antara Peru dan Malaysia telah semakin meningkat.

Katanya sebagai bukti ialah lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Peru tahun lepas semasa beliau mengetuai rombongan penting pegawai kerajaan dan wakil swasta. -- BERNAMA

HT RON